



JABATAN KEWANGAN NEGERI

TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG

Telefon : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
604-650 5188 (PEJABAT AM)
Fax : 604-263 0725
604-261 4399
604-263 6254

Ruj. Kami : JKNPP/02/10/2 Jld 3 (3)
Tarikh : 26 Januari 2010
10 Safar 1431H

Semua Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG

Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri,
PULAU PINANG

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pulau Pinang/Seberang Perai,
PULAU PINANG

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 10 TAHUN 2009 :
PINDAAN SYARAT SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER BAGI ANGGOTA
PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya sukacita saya menarik perhatian Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju menerima pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2009 : Pindaan Syarat Skim Pembiayaan Komputer Bagi Anggota Perkhidmatan Awam.
3. Untuk makluman Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan, melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2009, syarat-syarat tersebut adalah dipinda seperti berikut:-
 - 3.1 Perenggan baru 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 hendaklah dibaca seperti berikut:-

"Skim pembiayaan ini akan ditawarkan kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang bertaraf tetap dan dibenarkan membuat pinjaman komputer setiap tiga (3) tahun sekali. Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM5,000.00. Permohonan baru hanya boleh diluluskan selepas tiga (3) tahun dikira mulai tarikh kelulusan

sebelumnya dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan"

- 3.2 Tafsiran baru "membeli pembelian komputer" di perenggan 3.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 hendaklah dibaca seperti berikut:-
- "Membeli pembelian komputer" bererti pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisianya atau pembelian perkakasan dan perisian bagi tujuan peningkatan komputer pada masa pembelian itu dibuat.
- 3.3 Perenggan baru 7.2 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 hendaklah dibaca seperti berikut:-
- "Amaun pembiayaan ini boleh digunakan untuk membeli komputer baru iaitu komputer peribadi, komputer riba termasuk pembelian pencetak dan pengimbas."
- 3.4 Syarat-syarat lain seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 adalah dikekalkan.
4. Untuk makluman, kelulusan pembiayaan ini tertakluk kepada pemotongan gaji tidak melebihi 40% daripada emolumen pemohon. Sehubungan itu, dengan mengambilkira ketetapan perenggan 3 di atas, sila muat turun Pekeliling berkaitan yang boleh didapati melalui laman web Perbendaharaan Malaysia (www.treasury.gov.my) untuk tindakan Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan selanjutnya. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2010**.

Sekian, terima kasih.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI DAN TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(DATO' FARIZAN BIN DARUS)

Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

📞 04-6505183

✉ farizandarus@penang.gov.my